



03 JUN, 2024

54 kes penyeludupan di pesisir jalan laut tumpas bulan lalu

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

54 kes penyeludupan di pesisir jalan laut tumpas bulan lalu

Kota Bharu: Sebanyak 54 kes penyeludupan pelbagai barangan di pesisir jalan laut negeri ini hingga ke Pulau Perhentian dan Pantai Merang, Terengganu, berjaya ditumpaskan sepanjang bulan lalu, membabitkan nilai rampasan dan cukai hampir RM1.98 juta.

Operasi Palang Timur dan Operasi Makmur III dijalankan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, Terengganu, Pahang dan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA).

Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata rampasan terbesar membabitkan 17.8 tan daging babi sejuk beku di Tumpat, dekat sini, dengan nilai barang termasuk cukai berjumlah RM452,858.

“Kes terbanyak yang dihasilkan sepanjang operasi ini adalah rampasan rokok seludup, iaitu 36 kes membabitkan 242,148 batang rokok dengan jumlah nilai termasuk cukai berjumlah RM213,948.03.

“Lain-lain barang dirampas adalah minyak diesel sebanyak 7,000 liter; minuman keras, ayam sejuk beku, beras dan kenderaan klon dengan jumlah nilai dan cukai sebanyak RM261,153.52,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, operasi bersepadu dijalankan COBRA pula berjaya menggagalkan cubaan pengedaran 2,728,720 batang rokok dengan nilai RM532,104.80 dalam lima kes beraingan di sekitar Seberang Perai dan Butterworth, Pulau Pinang.



03 JUN, 2024

54 kes penyeludupan di pesisir jalan laut tumpas bulan lalu

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Bharu: Sebanyak 54 kes penyeludupan pelbagai barangan di pesisir jalan laut negeri ini hingga ke Pulau Perhentian dan Pantai Merang, Terengganu, berjaya ditumpaskan sepanjang bulan lalu, membabitkan nilai rampasan dan cukai hampir RM1.98 juta. Operasi Palang Timur dan Operasi Makmur III dijalankan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, Terengganu, Pahang dan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA).Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata rampasan terbesar membabitkan 17.